



Mendepani Cabaran Penuaan Penduduk

PERNAHKAH anda terfikir apakah yang akan terjadi kepada negara apabila golongan tua lebih banyak daripada golongan muda? Bersedialah kita dengan keadaan ini? Hal ini dikatakan demikian kerana penuaan merupakan proses semula jadi yang akan dilalui oleh setiap orang, masyarakat dan negara di dunia.

Penuaan penduduk yang ditakrif oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berlaku apabila individu tua mencakupi peratusan yang lebih besar daripada jumlah penduduk. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), “masyarakat menua” berlaku apabila peratusan penduduk berumur 65 tahun dan ke atas mencecah tujuh peratus, manakala masyarakat tua akan berlaku apabila jumlah tersebut mencecah 14 peratus dan apabila meningkat kepada 21 peratus, mereka akan dikenali sebagai masyarakat sangat tua.

Begitu pun, definisi penuaan berbeza di Malaysia, iaitu Dasar Warga Negara Emas diklasifikasikan sebagai penduduk yang berumur 60 tahun dan ke atas. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, negara sedang menghampiri status negara tua. Hal ini dapat dilihat apabila dianggarkan sebanyak 10.7 peratus daripada 32.6 juta rakyat Malaysia kini berusia 60 tahun dan ke atas, manakala tujuh peratus daripada rakyat Malaysia pula berumur 65 tahun dan ke atas. Statistik ini jauh berbeza daripada 10 tahun yang lalu apabila hanya 7.9 peratus penduduk Malaysia yang berumur 60 tahun ke atas, manakala golongan yang berumur 65 tahun dan ke atas hanya mewakili lima peratus.

Pada masa yang sama, nisbah tanggungan umur tua dijangka akan meningkat dengan signifikan pada dekad yang akan datang. Pada tahun 1970, hanya 3.3 peratus daripada penduduk Malaysia berumur 65 tahun dan ke atas, manakala hampir separuh daripada penduduk, iaitu 44.5 peratus berumur 14 tahun dan ke bawah. Walau bagaimanapun, peratusan kumpulan umur 14 tahun dan ke bawah telah berkurang kepada 24.1 peratus, manakala penduduk yang berumur 65 tahun dan ke atas meningkat kepada 6.3 peratus daripada jumlah penduduk pada tahun 2017.

Keadaan ini telah menyebabkan jurang antara penduduk muda dengan tua semakin mengecil, iaitu penduduk yang berumur 14 tahun dan ke bawah semakin berkurangan kepada 18.6 peratus daripada jumlah penduduk, manakala penduduk berumur 65 tahun dan ke atas meningkat kepada 14.5 peratus menjelang tahun 2040.

Apabila Malaysia menjadi negara yang dihuni masyarakat menua, peralihan kepada masyarakat tua akan menjadi semakin pantas. Proses ini mengambil masa lebih kurang 20 tahun untuk peratusan penduduk umur tua menjadi berganda dan beralih kepada masyarakat tua menjelang tahun 2040. Sebaliknya, Perancis mengambil masa 115 tahun untuk beralih daripada masyarakat menua kepada masyarakat tua, manakala Jepun pula mengambil masa 24 tahun dan Republik Korea memerlukan 18 tahun untuk berada pada tahap tersebut.

Menurut PBB, penuaan penduduk berlaku disebabkan oleh peningkatan jangka hayat dan penurunan kadar kesuburan. Kemajuan penjagaan kesihatan dan teknologi telah menyumbang kepada jangka hayat yang lebih panjang, manakala peningkatan kos sara hidup menyebabkan kadar kesuburan lebih rendah. Di Malaysia, jangka hayat penduduk meningkat kepada 74.6 tahun pada tahun 2017 berbanding dengan 64.5 tahun pada tahun 1966. Kadar kesuburan pula merosot dengan setiap wanita hanya melahirkan 1.9 anak berbanding dengan 5.7 anak dalam tempoh yang sama.

Pada hakikatnya, penuaan penduduk akan memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi. Dari segi teori, penuaan penduduk boleh menjejaskan pertumbuhan yang disebabkan oleh pengurangan produktiviti, mengurangkan kadar penyertaan tenaga buruh dan tabungan, serta meningkatkan kebimbangan terhadap pertumbuhan ekonomi yang

lebih perlahan. Walau bagaimanapun, terdapat kajian empirikal yang menunjukkan dapatan sebaliknya. Meskipun Malaysia berhadapan dengan penuaan penduduk pada tahun 2020, namun pertumbuhan ekonomi akan dapat diimbangi dalam jangka masa panjang kerana pengurangan kadar kesuburan membolehkan wanita mengambil bahagian dalam pasaran buruh seterusnya menyumbang kepada produktiviti dan pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Penuaan penduduk juga memberi impak kepada peningkatan perbelanjaan awam. Sekiranya jangka hayat penduduk lebih panjang khususnya dalam kalangan pesara dan tanggungan, hal ini akan meningkatkan lagi jumlah bayaran berikutan peningkatan penerima pencen.

Unjuran yang dibuat oleh Kementerian Kewangan Malaysia menunjukkan bahawa penurunan penduduk sebanyak 0.8 peratus akan mengurangkan jumlah guna tenaga dan seterusnya menyebabkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkurangan secara purata sebanyak 0.004 mata peratusan dari tahun 2018 hingga tahun 2024. Secara tidak langsung, pengurangan KDNK ini telah menjejaskan pendapatan boleh guna isi rumah. Dalam jangka masa panjang, jika industri enggan berubah dan kekal berintensifkan buruh, keadaan ini akan menyebabkan ekonomi tidak dapat beralih kepada ekonomi berintensifkan modal. Oleh itu, industri perlu menerima pakai automasi dan mekanisme untuk kekal kompetitif walaupun kekurangan input buruh.

Beberapa langkah perlu diambil bagi menghadapi keadaan penuaan penduduk. Antaranya termasuklah meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh wanita bagi mengimbangi pengurangan tenaga buruh. Untuk rekod, kadar penyertaan

wanita Malaysia dalam tenaga buruh antara yang terendah dalam kalangan negara anggota Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN). Menurut kajian Moody's, negara yang berkembang pesat di Asia Pasifik menunjukkan pengurangan jurang sebanyak 50 peratus antara penyertaan tenaga buruh lelaki dengan wanita. Hal ini mampu mengimbangi pengurangan dalam tenaga buruh sehingga 1.7 mata peratusan.

Pada tahun 2017, kadar penyertaan tenaga buruh lelaki dan wanita di Malaysia mencecah 54.5 peratus dan 80.1 peratus. Sekiranya jurang ini dapat dikurangkan sebanyak 50 peratus, jumlah tenaga buruh akan meningkat sebanyak 1.3 juta kepada 16.3 juta orang. Maka, pengukuhan pelaksanaan pelbagai dasar yang sedia ada, seperti amalan kerja anjal, penyediaan kemudahan penjagaan kanak-kanak berkualiti, dan program latihan kemahiran dan keusahawanan untuk wanita akan terus menggalakkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh.

Langkah untuk menggalakkan pekerja umur tua berada lebih lama dalam pasaran buruh dilihat mampu menangani kesan penuaan penduduk. Kajian semula pelanjutan umur persaraan wajib melebihi 60 tahun perlu dilaksanakan dan antara cadangan yang boleh dipertimbangkan termasuklah peluang persaraan secara berfasa dan pengambilan semula tenaga kerja. Skim persaraan berfasa membolehkan pekerja umur tua memilih masa bekerja lebih pendek dan terus kekal dalam pasaran buruh, termasuk selepas persaraan. Di Jepun, Singapura dan United Kingdom, kerajaan negara tersebut menyediakan insentif seperti kredit khas pekerjaan dan subsidi upah kepada majikan yang mengambil semula pekerja umur tua.

Peluang persaraan berfasa dan pengambilan semula pekerja yang sudah

berpencen secara berperingkat akan memberikan manfaat kepada pekerja, majikan dan negara melalui sumbangan yang berterusan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan kutipan cukai. Pekerja umur tua juga boleh berkongsi pengetahuan dan pengalaman dengan tenaga kerja umur muda di samping dapat mengekalkan kesejahteraan diri mereka.

Penyemakan skim pencen perlu dilakukan berikutan jangkaan peningkatan beban fiskal pada masa hadapan. Pada masa ini, skim pencen perkhidmatan awam dilaksanakan dengan kaedah tanpa caruman melalui peruntukan dana dibayar oleh Kerajaan Persekutuan. Bagi memastikan kedudukan fiskal yang mampan dalam jangka masa panjang, skim pencen perkhidmatan awam perlu ditambah baik dan diperbaharui dengan memperkenalkan skim caruman untuk lantikan baharu.

Persekitaran mesra umur tua juga perlu disediakan bagi memberikan kesejahteraan kepada golongan ini. Penggalakan pembelajaran sepanjang hayat dengan memastikan kualiti pendidikan dan latihan kemahiran sepadan dengan keperluan golongan umur tua juga seharusnya dipertimbangkan. Hal ini penting bagi meningkatkan kemahiran pada setiap peringkat kehidupan bagi memastikan individu kekal produktif.

Penuaan penduduk memberikan cabaran kepada negara. Kajian dasar warga emas serta ketersediaan data yang lebih menyeluruh akan dapat membantu kerajaan menangani cabaran penuaan penduduk. Dasar tersebut perlu berfokuskan inisiatif yang memberikan faedah kepada generasi kini dan akan datang. Kerjasama semua pihak amat perlu bagi menggalakkan kesejahteraan dan meningkatkan sumbangan generasi umur tua kepada pembangunan negara. □